

# **TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR): PENGLIBATAN INSTITUSI PERBANKAN BERASASKAN ISLAM TERPILIH DI MALAYSIA DALAM INDUSTRI WAKAF**

Mohd Yusra Abdullah<sup>a\*</sup>, Muaz Mohd Noor<sup>b</sup>, Mohammad Taqiuddin Mohamad<sup>c</sup>, Mohd Solahuddin Shahruddin<sup>a</sup>, Mohd Norazri Mohammad Zaini<sup>d</sup>, Mohd Paidi Norman<sup>a</sup>

<sup>a</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM, Shah Alam, Selangor*

<sup>b</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Melaka*

<sup>c</sup>*Jabatan Syariah dan Ekonomi (JSE), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*

<sup>d</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Dengkil, Selangor*

*Corresponding email: Yusra\_abdullah@yahoo.com*

## **ABSTRAK**

*Wakaf merupakan satu institusi yang wujud sejak zaman awal Islam lagi. Ia berfungsi ke arah mewujudkan sosio-ekonomi yang seimbang dalam masyarakat. Di Malaysia terdapat banyak institusi, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang cuba melibatkan diri dalam industri wakaf. Antaranya ialah institusi perbankan. Jika sebelum ini kita mengenali institusi perbankan hanya bermatlamatkan pelaburan dan keuntungan. Namun sekarang bank melangkah maju ke hadapan dengan memperkenalkan produk dan kegiatan berunsur kebijakan sosial. Maka kajian ini akan menfokuskan kepada pencapaian pembangunan wakaf dalam bank-bank terpilih di Malaysia. Bagi memenuhi matlamat ini, penulis telah melakukan kajian dengan mengumpulkan data-data primer dan sekunder yang diambil daripada pihak bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Malayan Banking Berhad (MAYBANK) dan beberapa institusi-institusi yang lain, serta membuat analisis terhadap data-data tersebut menggunakan kaedah kualitatif. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati bahawa institusi perbankan di Malaysia khususnya telah memainkan peranan yang sebaiknya ke arah membangunkan ekonomi ummah secara efisien dan holistik berdasarkan hukum syarak.*

**Kata Kunci:** Perbankan Islam, Malaysia, Wakaf, Dana, Pembangunan Ekonomi.

\*Corresponding author

## PENGENALAN

Wakaf dalam sistem perbankan belum mendapat perhatian sepenuhnya oleh mana-mana institusi perbankan Islam di Malaysia. Malah, wakaf merupakan bahagian yang terpinggir dalam sistem kewangan Islam Malaysia walaupun negara menjadi peneraju pasaran dengan pelbagai produk dan perkhidmatan canggih (Sinar Harian, 2013). Menurut Badlishah Abdul Ghani yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank, walaupun Malaysia mempunyai pelbagai produk simpanan paling mudah sehinggalah kepada sukuk serta produk yang canggih, namun wakaf secara komersial masih belum diwujudkan (Sinar Harian, 2013).

Jika diperhatikan, terdapat beberapa negara luar telah mewujudkan bank wakaf iaitu di Bangladesh dan Indonesia di mana kedua-dua bank tersebut berorientasikan kepada kesejahteraan sosial dengan memberikan pembiayaan usaha kecil dan berfokus kepada pembangunan ekonomi masyarakat marginal. Malah, bank-bank tersebut ditubuhkan bukan bertujuan untuk mencari keuntungan (Havita, Sayekti dan Wafiroh, 2014).

Wakaf bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada golongan sasar tertentu, malah amalan menginfakkan harta untuk kegunaan masyarakat itu dilihat mampu memperkuuh dan memperbaiki sektor ekonomi kepada lebih baik. Dalam institusi perbankan Islam, wakaf dilihat sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab korporat yang membezakan perbankan islam dengan entiti konvensional yang lain. Oleh itu, pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh organisasi korporat memberikan kesan dan impak sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada organisasi itu sendiri serta sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kemiskinan dalam Negara (Norajila & Joni 2010).

Tanggungjawab sosial korporat (CSR) secara umumnya bermaksud komitmen syarikat dan organisasi korporat terhadap keperluan sosial yang meliputi hak-hak masyarakat, penjagaan alam sekitar, kebajikan para pekerja, hak-hak pengguna dan sebagainya. Menurut Islam ia berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunah serta idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (religious bond). Oleh itu, konsep tanggungjawab korporat dalam Islam ini merangkumi makna yang luas yang mencakupi dimensi taqwa, di mana sesebuah syarikat korporat itu sebagai sebuah organisasi yang merangkumi sekumpulan individu di dalamnya, memainkan peranan yang penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah di muka bumi ini dalam setiap situasi (Asyraf 2008).

## PENGLIBATAN INSTITUSI KORPORAT

Terminologi wakaf korporat pertama kali digunakan oleh pihak Johor Corporation (JCorp) yang melancarkan wakaf korporat pada tahun 2006 dengan mewakafkan saham miliknya yang bernilai RM200 juta di dalam anak syarikatnya iaitu Kulim (M) Berhad, KPJ Healthcare Berhad dan Johor Land Berhad (JCorp 2006; Muhammad Ali Hashim 2011).

Wakaf An-Nur Corporation (WANCorp) iaitu anak syarikat JCorp telah dipertanggungjawabkan mengurus wakaf korporat yang memberikan fokus kepada aspek kesihatan melalui rangkaian Klinik Wakaf AnNur dan Hospital Wakaf An-Nur (Asharaf & Abdullah 2012; Hajah Mustafa et.al 2009). Pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik dan hospital berkenaan dikenakan caj yang minima iaitu Ringgit Malaysia Lima (RM5) sahaja dan pesakit-pesakit terdiri daripada yang beragama Islam dan lain-lain. Terdapat syarikat-syarikat korporat di beberapa negara yang telah melibatkan diri di dalam pengurusan harta wakaf terutamanya yang melibatkan sektor pendidikan dan kesihatan.

Dua konglomerat terkemuka di Turki umpamanya seperti Koc Holdings yang memiliki sekitar 500 anak syarikat melalui Koc Foundation dan Sabanci Holdings melalui Sabanci Foundation telah terlibat secara langsung di dalam membiayai penubuhan universiti dan sekolah wakaf (Cizakca 2011). Manakala di Pakistan Hamdard Laboratories iaitu sebuah syarikat berkaitan farmaseutikal telah menujuhkan Hamdard Foundation yang bertujuan untuk menguruskan dan menyalurkan dana wakaf kepada penerima-penerima yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan orang miskin (Hamdard Foundation 2013). Jika diteliti, ketiga-tiga entiti korporat di atas telah menujuhkan Yayasan Amanah mereka sendiri bagi mengurus dan mentadbir aset-aset wakaf mereka.

Di Bangladesh, sebuah institusi perbankan iaitu Social Investment Bank of Bangladesh (SIBL) bermula pada tahun 1995 telah memperkenalkan skim pembiayaan mikro yang berasaskan wakaf. Skim yang dikenali sebagai “cash waqf certificate” memberi peluang kepada individu dan organisasi untuk berwakaf secara tunai dan sejumlah wang yang dikumpulkan akan diagihkan kepada individu-individu yang layak untuk memulakan perniagaan kecil sederhana (PKS) (Mannan 1999). Pembiayaan mikro berasaskan wakaf tunai yang dilaksanakan oleh SIBL telah membantu usahawan-usahawan Islam di Bangladesh memulakan perniagaan mereka.

## BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)

### **Wakaf Selangor Muamalat (WSM)**

BMMB merupakan bank pertama di Malaysia yang menjalankan kerjasama dengan badan kerajaan iaitu Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengutip dan menguruskan dana wakaf demi kemajuan ummah khususnya di negeri Selangor. Hasil kerjasama ini, maka tertubuhlah wakaf Selangor Muamalat (WSM). Di mana, pihak bank dan perbadanan telah merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti wakaf bagi penambahbaikan dan pembangunan terutama dari sektor pendidikan dan kesihatan (Utusan Melayu, 2012).

BMMB sebagai pentadbir dan pengumpul harta wakaf perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat memberi peluang kepada orang ramai khasnya para pelanggan BMMB di kalangan orang-orang Islam dan Bumiputera yang ingin menuaikan tanggungjawab berwakaf, juga kepada orang bukan Islam yang ingin memberikan sumbangan, tetapi tidak berkemampuan untuk berwakaf dengan menggunakan harta tetapi memadai berwakaf dengan minimum RM2.00 sahaja. Kemudian hasil kutipan wakaf ini akan disalurkan kepada pembangunan pendidikan, kesihatan, pelaburan dan juga lain-lain tujuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) dari semasa ke semasa (Al-Muamalat, 2012).

Wakaf Selangor Muamalat tidak terbatas kepada projek ibadah khusus semata-mata tetapi meluas kepada apa-apa aktiviti yang berkepentingan awam seperti, pembangunan institusi pendidikan seperti Maahad Tahfiz, Universiti dan sebagainya, pembangunan institusi kesihatan seperti hospital dan klinik dan pelaburan dana wakaf (Al-Muamalat, 2012).

Dengan adanya sistem seperti ini, BMMB dapat menjalankan kutipan wakaf dengan lancar dan perkhidmatan ini dilaksanakan tanpa apa-apa bayaran(Utusan Melayu, 2012). Bagi mereka yang memberi sumbangan, adalah layak untuk mendapat potongan cukai sebanyak 7% dan 10% daripada pendapatan agregat seseorang individu atau korporat (Bank Muamalat, 2013). Sebagai permulaan, BMMB telah memberi sumbangan wakaf sebanyak RM1 juta dan kakitangan turut menyerahkan sumbangan wakaf mereka sebanyak RM74,040 (Utusan Melayu, 2012).

Pada masa ini, antara projek yang telah dilaksanakan adalah pembiayaan peralatan perubatan kepada Hospital Sungai Buloh dan pembiayaan peralatan asrama untuk sekolah Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin (Sinar Harian, 2013). Antara peralatan yang disumbangkan adalah 50 buah katil 2-tingkat, tilam sebanyak 100 keping dan 50 buah almari untuk kegunaan pelajar-pelajar di Maahad Tahfiz ini. Di mana keseluruhananya berjumlah

RM43,100.00. Maahad Tahfiz Al-Quran Wa-Ulumuddin menyediakan 3 platform pendidikan iaitu dari segi akademik, agama dan hafazan Al-Quran (Bank Muamalat, 2013).

Selain itu, antara projek yang di bawah perancangan WMS adalah klinik bergerak wakaf untuk kawasan Kuala Selangor dan pembiayaan dua mesin dialisis bagi Klinik Dialisis Nurul Ain. Dan juga akan membayai satu mesin pencetak timbul untuk percetakan Al-Quran Braille bagi Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) dan sebuah hospital wakaf dalam masa dua hingga tiga tahun (sinar Harian, 2013).

## **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)**

### **Menara Bank Islam**

Menara Bank Islam yang dibina di atas tanah seluas 1.2 ekar di sekitar Jalan Perak, Kuala Lumpur dilancarkan pada 19 Oktober 2011, mempunyai ketinggian 34 tingkat dan menelan kos pembinaan terkumpul sebanyak RM151 juta. Tanah Menara Bank Islam ini merupakan tanah yang diwakafkan oleh ahli perniagaan dari Gujerat iaitu Ahmad Dawjee Dadabhoy ketika hayatnya pada sekitar 1980-an kepada majlis agama. Bermula dengan hanya digunakan sebagai tapak letak kereta, kawasan di sekitar Jalan Perak ini semakin berkembang pesat dari semasa ke semasa sehingga kini sejurus pembinaan Menara Berkembar Petronas pada tahun 1998 (Bank Islam Malaysia Berhad, tt : Utusan Melayu, 2015).

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Wilayah Persekutuan, berusaha untuk membangunkan tanah wakaf am ini agar tidak terbiar di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur. (Bank Islam Malaysia Berhad, tt).

Oleh itu, Menara Bank Islam dibina atas sokongan penuh oleh Lembaga Tabung Haji (TH) dengan menawarkan pembiayaan 100% bagi pembangunan tersebut. Di mana perancangan projek ini dilengkapkan dengan komitmen Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) sebagai penyewa utama. Bank Islam bersetuju untuk menjadikan bangunan ini sebagai ibu pejabatnya, sejajar dengan statusnya sebagai perintis perbankan Islam di Malaysia. (Bank Islam Malaysia Berhad, tt : Utusan Melayu, 2015).

Dengan demikian, satu perkongsian pintar telah wujud di antara organisasi-organisasi Islam iaitu MAIWP, Kumpulan Syarikat TH Properties, Lembaga tabung Haji, dan Bank Islam bagi memastikan tanah wakaf ini memberi manfaat kepada masyarakat Islam setempat. (Bank Islam Malaysia Berhad, tt: Utusan Melayu, 2015). Pelaburan ini bukan sahaja mendatangkan pulangan berkala panjang untuk para pendeposit Tabung Haji, tetapi juga menepati salah satu misi Tabung Haji untuk memperkasakan ekonomi umat Islam. Selepas

tamat tempoh pajakan selama 25 tahun, 100 peratus pulangan sewa akan dimiliki MAIWP serta pulangan sebanyak RM56.6 juta kepada Tabung Haji boleh digunakan untuk memperluas bantuan kepada kelangsungan umat Islam," (MAIWP, 2013 : Utusan Melayu, 2015).

### **Dana Wakaf INSANIAH**

Pada 25 ogos 2014 Universiti Kolej Insaniah (KUIN) telah melantik Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) sebagai rakan kongsi strategik untuk menguruskan dana wakaf yang akan digunakan untuk membangunkan sebuah masjid yang dinamakan projek "Dana Wakaf INSANIAH". (Berita Harian, 2014)

Bagi projek ini, dana yang dikumpul terdiri daripada sumbangan orang ramai, termasuk individu, agensi kerajaan dan syarikat swasta, dan kos pembinaan masjid itu dianggarkan kira-kira RM15 juta. " Masjid ini bertujuan memenuhi keperluan pendidikan pelajar KUIN yang bilangannya dianggarkan mencecah 15,500 orang menjelang 2018, di samping bertindak sebagai 'Pusat Kecemerlangan' bagi ilmuwan Islam dari seluruh dunia untuk berhimpun dan membincangkan isu-isu semasa dalam bidang Islam (Berita Harian, 2014).

### **Sekolah Agama (Perempuan) Al-Madrasah Al-Alawiyah ad-Diniah AL-MAAD (P)**

Usaha pembinaan Sekolah Agama (Perempuan) Al-Madrasah Al-Alawiyah ad-Diniah Yayasan Islam Perlis AL-MAAD (P) bermula di atas peningkatan pendaftaran bagi sekolah agama oleh pelajar-pelajar perempuan. Ketika ini, pelajar perempuan yang telah mendaftar ditempatkan di kelas sementara di SMA (Lelaki) Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah YIPs. (Bank Islam Malaysia Berhad, tt).

Melihat keadaan sekolah ini yang semakin padat dengan hampir 600 orang pelajar, pihak YIPs mengambil inisiatif untuk memulakan projek pembinaan AL-MAAD (P) pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, dana pembinaan masih tidak mencukupi dan projek murni ini tertangguh. Projek ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan bilangan sekolah agama di Perlis yang kini hanya 5 buah sahaja. Di mana, apabila sekolah ini telah siap, ia mampu memberi peluang pendidikan kepada lebih 300 orang pelajar bagi fasa pertama. (Bank Islam Malaysia Berhad, tt).

Maka dana wakaf AL-MAAD (P) Dilancarkan pada 17 Ogos 2015, Jalinan Kerjasama Strategik antara Bank Islam dan Yayasan Islam Perlis (YIPs). Di mana projek ini mendapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Target

pengumpulan dana adalah sebanyak RM7.0 juta bagi pembinaan fasa pertama AL-MAAD (P) dan jumlah kutipan sehingga 31 Disember 2015 berjumlah RM799,825.3. AL-MAAD (P) akan dibina di atas Lot 203, Mukim Sungai Adam, Jalan Mata Ayer, Kangar, Perlis yang berkeluasan 2.266 hektar dan kos fasa pertama dijangka Rm7.0 juta, (Bank Islam Malaysia Berhad , tt). Bagi mereka yang menyumbangkan dana, layak mendapat pelepasan cukai individu dan korporat (Bank Islam Malaysia Berhad, tt).

### **MALAYAN BANKING BERHAD (MAYBANK)**

#### **Dana Wakaf Korp0rat**

Di Malaysia, penglibatan entiti korporat di dalam hal ehwal urusan wakaf yang dikenali sebagai wakaf korporat adalah merupakan suatu usaha murni yang dapat meningkatkan kesedaran, memupuk minat dan perhatian masyarakat berstatus korporat supaya menceburkan diri dalam aktiviti kebajikan khususnya aktiviti membangunkan harta wakaf.

Oleh itu melalui pelancaran wakaf korporat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Maybank Islamic Berhad (Maybank) bekerjasama dengan MAIWP bagi projek Wakaf tunai korporat bernilai RM20 juta yang akan dilaburkan ke dalam portfolio pelaburan, instrumen berpendapatan tetap, ekuiti, dana seimbang dan sektor hartanah. Di mana MAIWP akan bertindak sebagai pemegang amanah kepada dana Wakaf dan Maybank Islamic menjadi pengurus dana kepada projek berkenaan (Sinar Harian, 2014 : MAIWP, 2013).

Keuntungan daripada pelaburan dana Wakaf itu akan digunakan untuk membiayai program yang telah dikenal pasti seperti pembangunan infrastruktur pendidikan serta penjagaan kesihatan membangunkan usahawan muda. (Sinar Harian, 2014 : MAIWP, 2013). Pada peringkat awal projek ini, Maybank Islamic akan menjadi pewakaf tunggal (waqif) tetapi untuk fasa akan datang, dana ini akan dibuka kepada awam (Sinar Harian, 2014: MAIWP, 2013).

### **AL-RAJHI BANK DAN BIMB**

#### **Wakaf Seetee Aishah**

Tanah wakaf Seetee Aishah pada asalnya sebuah kawasan penanaman padi. Tanah wakaf lot 1444 (Mukim 4) ini mempunyai keluasan 9.86 ekar (39,902.04 meter kaki persegi) telah

diwakafkan oleh Seetee Aishah bt. Haji Mahmood pada 30 September 1901, dengan MAINPP berperanan sebagai pemegang amanah tunggal (Hydzulkifli dan Asmak, 2012).

Pihak MAINPP telah merancang untuk membangunkan tanah tersebut dengan membuat pembinaan sebuah ladang perumahan secara komersil. Projek pembangunan ladang perumahan ini melibatkan pembinaan sebanyak sembilan unit kedai tiga tingkat dan 76 unit rumah teres dua tingkat. Projek tanah wakaf Seetee Aishah telah dibangunkan secara berperingkat dalam dua fasa. Fasa pertama projek tersebut dijangka siap pada 3 Mei 2012, manakala fasa kedua pula akan dimulakan setelah keseluruhan fasa 1 siap untuk tempoh 36 bulan (Hydzulkifli dan Asmak, 2012).

Melalui perjanjian usaha sama dengan UDA Holding Berhad (UDA) melalui anak syarikatnya UDA Land (North) Sdn Bhd (ULNSB), UDA menanggung semua kos pembangunan projek di atas tanah wakaf berkenaan dan sebagai balasan, UDA menyerahkan bangunan pusat perniagaan kepada MAINPP dengan nilai bersamaan nilai tanah iaitu RM10.9 juta (Sinar Harian, 2012).

Projek pembangunan yang didirikan di atas tanah seluas 3.70 hektar, mengandungi 27 unit kedai pejabat dan 76 unit rumah teres dua tingkat dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM24 juta (Sinar Harian, 2012). Di mana Bank Islam Bhd dan Bank Ar Rajhi berperanan melalui pemberian pembiayaan akhir bagi projek Wakaf Seetee Aishah di Pulau Pinang. (Harian Metro 2015). Penyewa memohon pembiayaan akhir dari Bank untuk membayar kos sewaan kepada MAINPP (berasaskan Tawarruq) dan sewaan dicagarkan kepada Bank. Peranan Bank adalah menyelesaikan masalah harta tanah wakaf tidak boleh dijual dengan kaedah Tawarruq untuk membayar pajakan (manfaat rumah).

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, institusi perbankan hari ini dilihat telah menjalankan amanah berkenaan hasil kutipan wakaf dan manfaat wakaf dengan baik sekali. Ia dilihat banyak membantu masyarakat di Malaysia sama ada individu, sekolah dan masjid dalam membaik pulih infrastruktur dan kelengkapan ke arah yang lebih selesa dan lebih baik. Individu yang berada dalam kategori miskin tegar juga berjaya dibantu dengan hasil wakaf dengan membina rumah kediaman yang lebih selesa. Inovasi yang telah dilakukan dengan usaha sama syarikat-syarikat korporat telah memberi peluang luas kepada institusi zakat mengembangkan konsepnya dan memberi manfaat yang besar kepada ahli masyarakat.

## RUJUKAN

- Abdullah Jalil dan Ashraf Mohd Ramli (2008), Waqf instruments for construction Contract: An Analysus of Structure. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR).
- Asyraf Wajdi, "What Does Islam Say About Corporate Sosial Responsibility?," International Association For Islamic Economics 12 (1)(2008): 5-28.
- Asharaf Mohd Ramli dan Abdullaah Jalil (2013), Funding Higher Education in Malaysia: Corporater Waqf Model, Waqf Workshop: Contemporary Role of Higher Education, Alor Star: Al-Bukhari International University.
- Bank Islam Malaysia Berhad (tt). Mengenai Menara Bank Islam. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.bankislam.com.my>.
- Bank Islam Malaysia Berhad (tt). Wakaf Pembinaan Sekolah Menengah Agama (Perempuan) Al-Madrasah Al-Alawiyah ad-Diniah Yayasan Islam Perlis (YIPs). Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.bankislam.com.my>
- Bank Muamalat (2013). Wakaf Selangor Muamalat Menyumbang Peralatan Asas Ke Maahad Tahfiz Al-Quran Wa- Ulumuddin, Sungai Besar. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my).
- Berita Harian (2014). Bank Islam urus dana wakaf masjid. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web [www.bharian.com.my/node/4233](http://www.bharian.com.my/node/4233).
- Havita, Sayekti dan Wafiroh (2014). Model Bank Wakaf Di Indonesia Dalam Potensinya Untuk Mengembangkan Wakaf Uang Dan Mengatasi Kemiskinan. Prosiding Elektronik (e-Proceeding) PIMNAS, Program Kretivitas Mahasiswa - Gagasan Tetulis (PKM-GT).
- Harian Metro (2015). Risiko tanah tak boleh cagar. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.hmetro.com.my/node/29225>
- Hashim, Hydzulkifli and Ab. Rahman, Asmak (2012) Pengurusan pembangunan harta wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap wakaf Setee Aishah. International Journal of Management Studies, 19 (2). pp. 103-123.
- Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan (2013). MAIWP Rangka Pelbagai Progam Hasil Dana Wakaf. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://maiwp.gov.my/i/index.php/berita-maiwp/51-berita-arkib/358-maiwp-rangka-pelbagai-progam-hasil-dana-wakaf>.
- Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan (2018). Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/berita-maiwp/519-maiwp-terima-dana-wakaf-rm20-juta>
- Mohd Nazri Chik (2015). Pembangunan Wakaf Melalui Perspektif Institusi Kewangan Islam. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://e-muamalat.islam.gov.my/kertasilmiah/pembangunan-wakaf-melalui-perspektif-institusi-kewangan-islam>

Norajila dan Joni tamkin, “Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi Dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat.” Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V (PERKEM V), Port Dickson, Negeri Sembilan, 15 –17 Oktober, 2010.

Sinar Harian (2012). Wakaf Seetee Aisah pemacu ekonomi Melayu Pulau Pinang. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/wakaf-seetee-aisah-pemacu-ekonomi-melayu-pulau-pinang-1.99174>.

Sinar Harian (2014). Umum dana wakaf RM20j Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/umum-dana-wakaf-rm20j-1.328848>  
Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan (2013). MAIWP Terima Dana Wakaf RM20 Juta.

Sinar Harian (2013). Wakaf Terpinggir Dalam Sistem Kewangan Islam. Diakses pada 18 Mei 2018 dari laman web <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/wakaf-terpinggir-dalam-sistem-kewangan-islam-1.205211>.

Sinar Harian (2013). Wakaf Selangor Muamalat sasar RM4.5 juta dana. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web [www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my).

Sinar Harian (2012). Wakaf Selangor Muamalat. Al-Muamalat, siri 07, h.10. Utusan Melayu (2014). Wakaf tunai menjana pemilikan aset umat Islam Diakses pada 2 ogos 2016 dari laman web [ww1.utusan.com.my](http://ww1.utusan.com.my).

Syahnaz Sulaiman (2012), Isu pembangunan wakaf menggunakan struktur amanah pelaburan hartanah Islam di Malaysia: Satu tinjauan. Dlm. Jurnal Kanun J. 24 Bil. 2: Disember 2012. Hlm. 149- 162. Dipetik dari <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/?p=461&preview=true> pada 12 Mei 2014.

Utusan Melayu (2015). Inovasi wakaf Bank Islam. Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web <http://www.utusan.com.my>.

Utusan Melayu (2012). Bank Muamalat lancar khidmat wakaf . Diakses pada 2 Ogos 2018 dari laman web [ww1.utusan.com.my](http://ww1.utusan.com.my).